



Pembangunan perlu kompas moral

DAVOS: Tokoh-tokoh penting perniagaan dan politik dari seluruh dunia, berhimpun di Davos, Switzerland, dengan tema: “Membina Semula Kepercayaan”. Sebagai peringatan kepada pemimpin dunia tentang tugas mereka terhadap semua umat manusia, Sri Paus Fransiskus menghantar pesan kepada Forum Ekonomi Dunia 2024, yang dibacakan pada hari Januari 17, oleh Kardinal Peter Turkson.

Dalam perutusannya, Sri Paus berkata cabaran terbesar yang dihadapi umat manusia adalah untuk memastikan kewujudan bersama secara aman dan pembangunan bersepadu untuk semua orang.

“Adalah menjadi harapan saya,” katanya, “agar para peserta Forum tahun ini akan sedar akan tanggungjawab moral yang kita semua miliki dalam memerangi kemiskinan, mencapai pembangunan yang penting untuk semua saudara dan saudari kita, dan usaha untuk hidup berdampingan secara aman di kalangan rakyat.”

Ketidakstabilan global

Sri Paus Fransiskus menyatakan bahawa acara Davos berlangsung tahun ini dalam “iklim ketidakstabilan antarabangsa yang sangat membimbangkan.”

“Forum itu, menawarkan peluang kepada pemimpin dunia untuk meneroka cara inovatif untuk membina dunia yang lebih baik, dan prelatus itu menggesa mereka mencari jalan untuk memupuk “kesepaduan sosial, persaudaraan dan perdamaian” di kalangan semua orang.

Bapa Suci menyesali peperangan dan

konflik berpanjangan yang melanda di pelbagai belahan dunia, yang kebanyakannya mengakibatkan kematian orang awam dan kemusnahan infrastruktur.

Ketidaksetaraan semakin meningkat

Merujuk kepada punca konflik, Sri Paus menunjukkan kelaziman kelaparan dan eksploitasi sumber semula jadi, malah di beberapa bahagian dunia membazirkan makanan serta beberapa orang mendapat untung dan menjadi kaya raya dengan industri ekstraktif.

Uskup Roma itu mengutuk “eksploitasi berleluasa ke atas lelaki, wanita, dan kanak-kanak yang dipaksa bekerja dengan gaji rendah dan mengakibatkan golongan itu kehilangan prospek sebenar untuk pembangunan peribadi dan pertumbuhan profesional.”

“Sukar difahami bagaimana di dunia moden hari ini orang masih mati kelaparan,

dieksploitasi, masih ramai yang buta huruf, kekurangan rawatan perubatan asas, dan dibiarkan tanpa perlindungan”

Kompas moral untuk membimbing globalisasi

Globalisasi mempunyai dimensi moral yang mendalam, kata Sri Paus Fransiskus seraya menambah bahawa pembangunan memerlukan kompas moral untuk membimbing perbincangan yang membentuk masa depan masyarakat antarabangsa.

Pada akhir ucapannya, Bapa Suci Fransiskus menggenas ahli-ahli perniagaan dan ahli-ahli politik untuk bekerjasama mempromosikan “model globalisasi yang berpandangan jauh dan kukuh dari segi etika”.

“Pembangunan tulen dan lesteri harus bersifat global, dikongsi oleh semua negara, dan di setiap bahagian dunia, atau ia akan mundur meskipun di kawasan yang ditandai dengan kemajuan.” — *media Vatikan*

Belajar Kitab Suci bukan untuk ilmiah sahaja

VATIKAN: Bapa Suci Fransiskus menyeru umat Katolik untuk mempelajari Alkitab dan arkeologi di tempat kehidupan, kematian dan kebangkitan Yesus tetapi ia harus lebih dari sekadar latihan ilmiah sahaja.

Gereja harus mempunyai dimensi pastoral dalam membantu orang lain mengetahui dan menghayati Injil.

“Pada ketika ini, ketika Tuhan meminta kita untuk mendengarkan dan mengetahui lebih baik akan Sabda-Nya, untuk menggemakan Firman-Nya di dunia dengan cara sederhana, melalui pekerjaan, tingkah laku dan perkataan kita,” kata Sri Paus Fransiskus

kepada para mahasiswa dan kakitangan *Studium Biblicum Franciscanum*, sebuah sekolah Kitab Suci dan arkeologi di Yerusalem.

Sri Paus Fransiskus bertemu dengan kumpulan tersebut di Vatikan pada Januari 15 sempena ulang tahun ke-100 institut tersebut, yang didirikan dan dikedalikan oleh Fransiskan di Tanah Suci.

Kardinal Pierbattista Pizzaballa, patriark Gereja Latin Yerusalem, dan Fr Massimo Fusarelli, OFM, pemimpin umum ordo tersebut, turut hadir dalam audiensi tersebut.

Yayasan ini telah terlibat dalam peng-

galian arkeologi di tapak-tapak yang ada disebutkan dalam Perjanjian Baru, termasuk Betania, Betlehem, Kana, Kapernaum, Emaus, Magdala, Nazareth, Gunung Nebo, Tabgha dan Gunung Tabor.


Sri Paus Fransiskus menjelaskan, sejak konflik Israel-Hamas bermula pada Oktober tahun lalu, “kita tidak dapat pergi ke sana dengan mudah kerana bahaya perang. Dari sudut pandang mana pun, ini sangat buruk. Maka kita harus berdoa dan bertindak tanpa lelah agar tragedi ini dapat berakhir.”

Bapa Suci Fransiskus berterima kasih kepada para Fransiskan atas kehadiran dan

karya mereka yang berlanjutan di Tanah Suci, dan mendesak mereka untuk “maju dengan berani.”

Sri Paus turut menyeru para mahasiswa dan kakitangan untuk mendekati Kitab Suci seperti yang diajarkan Santo Fransiskus dari Assisi.

Bagi orang kudus itu, “Pengetahuan tentang Sabda Tuhan, dan pembelajarannya, bukan sekadar pengetahuan, namun pengalaman yang bersifat spiritual, yang tujuannya, untuk membantu orang menghayati Injil dengan lebih baik.” — *media Vatikan*



Fr Ron Rolheiser

Hukum graviti dan Roh Kudus

Teologi dan sains yang baik akan mengakui bahawa hukum graviti dan Roh Kudus adalah satu dalam prinsip yang sama.

Tidak ada roh yang berbeza yang menyokong fizikal daripada rohani. Ada satu roh yang bercakap, roh yang sama berkarya dalam hukum graviti dan juga semasa Yesus menyampaikan Khutbah Bahagia di Bukit.

Jika kita menyedari bahawa Roh yang sama hadir dalam segala-galanya, dalam penciptaan fizikal, dalam cinta, dalam keindahan, dalam kreativiti manusia, dan dalam moral manusia, kita boleh menyatukan lebih banyak perkara yang membuahkan hasil.

Ini lebih baik daripada meletakkannya dalam pertentangan dan mempunyai hasil karunia Roh Tuhan berbeza-beza sehingga saling bertentangan antara satu sama lain. Apakah maksud ini?

Kita mempunyai terlalu banyak dikotomi yang tidak sihat dalam hidup kita.

Terlalu kerap kita mendapati diri kita memilih antara perkara yang tidak sepatutnya, kita selalu berada dalam situasi yang bertentangan antara satu sama lain dan dalam keadaan tidak berpuas hati kerana terpaksa memilih antara dua perkara yang kedua-duanya, melalui pandangan mereka, adalah baik untuk diri mereka sendiri.

Kita hidup dalam dunia di mana, terlalu sering, rohani menentang fizikal, moral menentang kreativiti, kebijaksanaan menentang pendidikan, komitmen menentang seks, hati nurani menentang keseronokan, dan kesetiaan peribadi menentang kreatif dan kejayaan

profesional.

Jelas sekali ada sesuatu yang tidak kena di sini.

Jika satu kuasa, Roh Tuhan, adalah satu-satunya sumber yang menghidupkan semua perkara ini maka jelaslah kita tidak seharusnya berada dalam kedudukan terpaksa memilih antara mereka. Sebaik-baiknya kita harus memilih kedua-duanya kerana Roh yang satu, menyokong kedua-duanya.

Adakah ini benar? Adakah Roh Kudus adalah sumber graviti dan sumber cinta? Ya. Sekurangnya percayalah kepada Kitab Suci. Ia memberitahu kita bahawa Roh Kudus adalah kedua-dua kuasa fizikal dan rohani, sumber semua fizikal dan semua kerohanian semuanya pada masa yang sama.

Kita mula-mula bertemu dengan peribadi Roh Kudus dalam kata pembukaan Alkitab: *Bumi belum berbentuk dan kosong; gelap gelita menutupi samudera raya, dan Roh melayang-layang di atas permukaan air.*

Dalam bab-bab awal Kitab Suci, Roh Kudus dipersempatkan sebagai kekuatan fizikal, angin yang berasal dari mulut Tuhan dan bukan sahaja membentuk dan mengatur penciptaan fizikal tetapi juga tenaga yang terletak di dasar segala-galanya, menghidupkan. dan yang tidak bernyawa: *Lepaskan nafasmu, dan semuanya kembali menjadi debu.*

Orang-orang dahulu percaya ada jiwa dalam segala-galanya dan jiwa itu adalah nafas Tuhan, menyatukan segala-galanya dan memberinya makna.

Mereka percaya ini meskipun mereka tidak memahami, seperti



Kita perlu membiarkan Roh Kudus, dalam segala kepenuhan dan kuasanya, menghidupkan serta menyentuh kehidupan kita — Fr Ron Rolheiser

yang kita lakukan hari ini, cara kerja dunia infra-atom: bagaimana zarah terkecil dan gelombang tenaga sudah mempunyai cas elektrik erotik, bagaimana hidrogen mencari oksigen, dan bagaimana pada tahap paling unsur. tenaga realiti fizikal sudah menarik dan menolak satu sama lain seperti yang dilakukan oleh orang ramai.

Mereka tidak dapat menjelaskan perkara-perkara ini secara saintifik seperti yang kita boleh, tetapi mereka mengiktiraf, sama seperti kita, bahawa sudah ada beberapa bentuk “cinta” di dalam semua benda, walau bagaimanapun tidak bernyawa.

Mereka mengaitkan semua ini dengan nafas Tuhan, angin yang keluar dari mulut Tuhan dan akhirnya menghidupkan batu, air, haiwan, dan manusia.

Mereka memahami bahawa nafas yang sama yang menghidupkan dan memerintahkan penciptaan fizikal juga merupakan sumber segala kebijaksanaan, keharmonian, kedamaian, kreativiti, moral, dan kesetiaan. Nafas Tuhan difahami sebagai

bermoral seperti fizikal, menyatukan kerana ia kreatif, dan kebijaksanaan ia berani.

Bagi mereka, nafas Tuhan adalah satu kekuatan dan ia tidak bercanggah dengan dirinya sendiri. Dunia fizikal dan rohani tidak bertentangan antara satu sama lain. Satu Roh difahami sebagai sumber kedua-duanya.

Kita perlu memahami perkara dengan cara yang sama. Kita perlu membiarkan Roh Kudus, dalam segala kepenuhan dan kuasanya, menghidupkan serta menyentuh kehidupan kita.

Maksudnya secara konkrit ialah kita tidak boleh membiarkan diri kita bertenaga dan didorong terlalu banyak oleh satu bahagian Roh sehingga menjejaskan bahagian lain Roh yang sama itu.

Oleh itu, tidak sepatutnya ada kreativiti tanpa ketiadaan moral, pendidikan tanpa kebijaksanaan, seks tanpa komitmen, keseronokan tanpa adanya hati nurani, dan pencapaian artistik atau profesional tanpa kesetiaan peribadi.

Paling tidak, tidak sepatutnya ada kehidupan yang baik untuk sesetengah orang jika tiada keadilan untuk semua orang.

Sebaliknya, kita perlu mempersoalkan diri kita sendiri apabila kita bermoral tetapi tidak kreatif, apabila kebijaksanaan kita takut kepada pendidikan kritikal, apabila kerohanian kita mempunyai masalah dengan keseronokan, dan apabila kesetiaan peribadi kita terlalu bertahan dalam menghadapi seni dan pencapaian.

Satu Roh adalah pengarang semua ini. Oleh itu, kita mesti sama-sama peka terhadap setiap daripada mereka.

Seseorang pernah berjenaka bahawa ini adalah ajaran sesat yang mungkin hanya satu peratus benar. Itulah masalah kita dengan Roh Kudus.

Kita selama-lamanya berada dalam kebenaran separa apabila kita menafikan ada kaitan antara hukum graviti dan Khutbah di Bukit. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser*

Kekuasaan Tuhan melindungi kita dari yang jahat

Markus pada Injilnya bercerita bagaimana Yesus berbicara “sebagai orang yang berkuasa” dan dengan kuasa-Nya, Dia mengusir syaitan yang adalah lambang segala macam kejahatan.

Dengan demikian dengan kata-kata atau gajaran-Nya, Dia mengajak kita untuk mengubah hati kita, berfikir, bersikap dan berbuat secara lain, secara baharu, dalam hidup kita dan berpegang pada Injil.

Seperti kita dengar dalam pembacaan pertama (Ul 18:15-20) mahupun dalam Injil (Mark 1:21-28) kita berhadapan dengan orang-orang bertauliah yang menyampaikan Sabda Tuhan.

Para nabi berbicara benar dan sah, sebab Tuhan menempatkan sabda-Nya dalam mulut para nabi-Nya itu.

Musa dalam pembacaan pertama mengatakan, bahawa Tuhan akan membangkitkan seorang nabi yang akan menyampaikan firman Tuhan.

Nabi itu adalah Yesus dari

Nasaret, yang di Kaparnaum berbicara dan menyampaikan ajaran-Nya dengan kuasa.

Yesus berbicara dengan kuasa kerana Dia adalah Sabda Tuhan yang hidup. Kita sebagai murid-murid-Nya yang telah dibaptis adalah saksi-saksi-Nya, bahawa Yesus adalah Sabda Tuhan yang hidup.

Kita tidak dapat mewartakan sabda Tuhan dengan otoritas kita sendiri, yang memang tidak kita miliki.

Kita harus mewartakan sabda-Nya dengan kuasa-Nya, bukan dengan kuasa kita sendiri.

Sebagai anggota Gereja, atas rahmat Sakramen Baptis dan Sakramen Krisma, kita mempunyai peranan sebagai nabi, atau tugas kenabian.

Dengan demikian segenap hidup kita harus merupakan cermin hidup Yesus atau didengarkan sebagai gema Sabda Tuhan, dalam perkataan mahupun perbuatan.

Pewartaan kita ialah hidup kita. Para nabi adalah tokoh-

tokoh yang menentang “*status quo*” keadaan orang yang hidup berlawanan dengan kehendak Tuhan, terutama menentang raja-raja, para imam dan nabi-nabi palsu.

Mereka ini sebagai pemerintah yang berkuasa atau sebagai pemimpin keagamaan justeru menggunakan kedudukan mereka untuk menindas rakyat jelata, kaum janda dan yatim piatu. Yesus melakukan tugas kenabian ini dalam situasi masyarakat di mana Dia hidup.

“Orang-orang kecil” dalam masyarakat Yesus itu merupakan mangsa perorangan, kumpulan atau institusi “yang jahat”, di mana sikap serta semangat hidup mereka sangat bertentangan dengan kehendak Tuhan.

Dengan latar belakang inilah Yesus sambil mewartakan khabar gembira (Injil) sekaligus mengusir dan menyingkirkan syaitan, roh jahat yang mencengkam hati ramai orang.

Sekarang ini, dua puluh abad kemudian, di tanah air kita send-

**HARI MINGGU BIASA
EMPAT (TAHUN B)**
ULANGAN 18, 15-20;
1 KORINTUS 7, 32-35.
INJIL MARKUS 1, 21B-28.

iri roh-roh jahat itu berkeliaran di mana-mana, seperti di alami oleh Yesus dalam zaman-Nya.

Tokoh-tokoh politik, wakil-wakil rasmi rakyat, kumpulan-kumpulan keagamaan yang bersifat fanatik dan fundamentalis, secara sedar atau sengaja, dikuasai dan dipengaruhi roh jahat.

Menghadapi situasi dan keadaan serupa, Yesus tampil menawarkan ajaran murni, khabar gembira, Sabda Tuhan yang sejati.

Sebagai Almasih Yesus tampil dan berbicara dengan kuasa dan berkuasa mengusir syaitan.

Apa yang dilakukan para Nabi dalam Perjanjian Lama, dilaku-

kan oleh Yesus, namun Dia melakukan-Nya dengan kuasa khusus sebagai Almasih.

Para rasul meneruskan perutusan Kristus itu. Dan sekarang, kita adalah murid-murid-Nya yang telah dibaptis, harus mengambil bahagian perutusan pe wartaan sabda Tuhan itu.

Kita, umat Kristian sejati, harus mahu dan bersedia ikut mewartakan Injil otentik (bukan karangan atau pendapat peribadi!) serta ikut mengusir roh jahat dengan doa yang sungguh-sungguh dan mendalam, yang disertai kesaksian hidup Kristian sehari-hari yang asli. — *Msgr F.X Hadisumarta O.Carm, imankatolik.org*

Keunikan budaya lokal warnai pengalaman pelayanan paderi

KUALA PENYU: Bukan sahaja dua orang paderi yang melayani di St Peter Bundu, berasa sebak tetapi umat yang menghadiri majlis perpisahan mereka juga turut berasa berat hati untuk berpisah dengan mereka.

Paderi paroki Fr Clement Abel dan pembantunya, Fr David Mamat bakal melayani di paroki baharu.

Selaku rektor yang diberikan kepercayaan oleh Uskup Cornelius Piong untuk mentadbir paroki Kuala Penyu, Fr Clement telah berjalan bersama dengan umat Katolik St Peter Bundu Kuala Penyu selama lima tahun.

Paderi itu menyatakan terlalu banyak kenangan dan perkara baharu yang dialaminya semasa melayani umat di sini.

Fr Clement juga meluahkan rasa kecewa dan sedih kerana banyak masa terbuang sewaktu negara dilanda Covid-19 di mana hampir dua tahun tidak dapat mengadakan Misa



fizikal bersama umat.

Walau bagaimanapun, beliau tetap bersyukur kerana umat dan komiti-komiti di paroki St Peter Bundu telah memberikan kerjasama yang sangat padu dalam semua urusan beliau selama melayani di sini.

Fr Clement mengatakan paling menarik perhatiannya semasa beberapa tahun di Kuala Penyu ialah keunikan budaya dan bahasa daerah Kuala Penyu yang lain berbanding

daerah lain.

Keunikan ini memberinya inspirasi untuk bergaul dengan umat Katolik.

Beliau mengakhiri ucapan perpisahan dengan memohon maaf kepada semua umat sekiranya ada kesilapan atau kesalahan dalam berkata-kata atau tingkah laku lebih-lebih kepada umat atau keluarga yang tidak sempat dilawatnya.

Fr Clement berterima kasih kepada

semua suster, katekis, pembantu pelayan komuni kerana sentiasa di sisi beliau membantunya memastikan kelancaran dalam merayakan Misa serta apabila beliau turun Padang melayani umat.

Ucapan yang sama juga ditujukan kepada pengerusi Majlis Pastoral Paroki, semua pengerusi Komuniti Umat Katolik tidak lupa komiti-komiti pelayanan dalam Gereja khususnya para warden

yang sangat komited dalam pelayanan mereka.

Fr David Mamat di dalam ucapannya mengungkapkan rasa syukur kerana diberi kesempatan oleh Uskup Cornelius untuk melayani sebagai paderi Pembantu di sebuah paroki di bahagian bawah Keuskupan Keningau.

Selama setahun lapan bulan di paroki St Peter, beliau banyak belajar tentang bahasa dan keunikan budaya masyarakat Katolik di sini.

Melalui pengumuman Uskup Cornelius Piong pada bulan November tahun lalu, Fr Clement Abel ditugaskan melayani di paroki Roh Kudus, Sook selaku paderi paroki manakala Fr David Mamat diutus ke paroki Holy Cross Toboh, Tambunan sebagai paderi pembantu.

Umat Kuala Penyu juga mengalu-alukan kedatangan paderi paroki baharu iaitu Fr Roney Mailap dan pembantunya, Fr Paul Mikin. — *Marcus Angang*

Lawatan pastoral Uskup John Wong ke Telipok

TELIPOK: Akhir tahun 2023 bersamaan pada Disember 3, adalah Hari Paroki Holy Family Telipok.

Pada hari itu, Uskup Agung John Wong telah datang dan memimpin Misa Kudus.

Sempena lawatan pastoral Bapa Uskup Agung, 103 umat telah menerima Sakramen Penguatan.

Pameran Sejarah Gereja Holy Family yang diadakan telah menarik perhatian Uskup John serta umat yang hadir.

Pameran itu memaparkan sejarah penubuhan Gereja Holy Family dan para paderi yang pernah melayani di paroki tersebut.

Pelbagai persembahan pentas telah berlangsung antaranya persembahan wakil dari *fraternity OFS* yang terdiri dari kanak-kanak dan remaja yang mempersembahkan tarian kontemporari iringan lagu yang bertajuk Puji dan Sembah Lirik *Dhivo Dolat*.

Paderi Paroki Telipok, Fr

David Sham mengungkapkan kesyukuran di atas kehadiran Uskup Agung John Wong ke paroki tersebut.

Paroki Telipok mempunyai lapan stasi luar yang terdiri daripada St Mary Magdalena Kayu Madang, St Flora Lapsan, St Petrus Tampilan, St Francis Xavier Bunsut, St Lazarus Nantai Sokid, St Irenaeus Nantai Siba dan Gereja Divine Mercy KKIP. — *Eveline OFS*



Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Tidak dapat terima komuni kerana pekerjaan

Soalan: *Saya seorang pelaut. Saya menghabiskan waktu tiga hingga empat bulan di laut untuk berlayar. Semasa berlayar, saya tidak pernah mengikuti Perayaan Ekaristi kerana tidak ada pelayanan Ekaristi di atas kapal. Jadi saya tidak pernah menerima Komuni sepanjang waktu itu. Apa yang harus saya lakukan agar iman saya tetap teguh?*

Jawaban: Sebenarnya persoalan seperti ini sudah lama menjadi perhatian Gereja.

Misalnya pelayanan Ekaristi di tempat-tempat pedalaman contohnya di kawasan hutan Amazon kerana suku-suku atau pemukiman penduduk asli tertentu hanya dapat menyambut komuni satu atau dua kali sahaja setahun.

Sinode Pan-Amazon (2019) antara lain mengangkat topik tentang ini, dan juga turut dibicarakan oleh Sri Paus Fransiskus dalam *Querida Amazonia* (2020).

Selain kerana pekerjaan, ramai umat juga tidak dapat menerima komuni kerana peperangan. Tentu ramai yang mengetahui bagaimana di tengah-tengah peperangan di Ukraine, Misa Kudus dijalankan di ruang bawah tanah atau di kem-kem pelarian.

Apabila keadaan tidak memampukan kita menerima komuni secara fizikal, kisah Fr Walter Joseph Cizek, S.J. (November 4, 1904 – Disember 8, 1984) mungkin dapat memberikan kita inspirasi.

Fr Walter menghabiskan waktu 23 tahun

dalam penjara dan kem kerja paksa di Siberia, Uni Soviet.

Sebagai paderi, Fr Walter tidak dapat merayakan Ekaristi, kerana larangan serta peraturan ketat.

Lalu Fr Walter sering merayakan Ekaristi secara "imaginasi" iaitu dalam aura kontemplasi dengan membayangkan dia sedang merayakan Ekaristi.

Hal itulah yang menjadi sumber kekuatannya dalam menjalani masa kerja paksa yang sangat menekannya, bahkan dia selalu merayakannya secara diam-diam bersama tahanan yang lain.

Masa pandemik memperkenalkan kita akan Ekaristi dalam talian melalui sarana media sosial, kerana terdapat larangan untuk berkumpul beribadat secara fizikal di Gereja.

Lalu kita diajar dan mengenal tentang Komuni Batin, bahkan ada lagu untuk itu.

Bapa Suci Yohanes Paulus II dalam ensikliknya, *Ecclesia de Eucharistia* (2003), menyebut tentang Komuni Batin atau Komuni Spiritual, yang sebenarnya telah berlangsung berabad lamanya.

Komuni batin bahkan disarankan oleh para Santo dan para guru rohani khususnya mereka yang tidak dapat menghadiri Perayaan Ekaristi.

Pada tahun 1690-an terdapat banyak syair yang tersebar tentang doa Komuni Batin misalnya yang disusun oleh Santo Alfonsus Liguori (1696-1787), pendiri kongregasi Redemptoris.

Dengan demikian, persoalan yang sedang

anda hadapi bukanlah sesuatu yang baharu sebab sudah lama dialami oleh ramai orang, dengan pelbagai situasi yang mereka hadapinya. Salah satu sebabnya ialah perkerjaan di tengah lautan.

Vatikan beberapa kali mengeluarkan surat sempena peringatan Hari Laut (*Sea Sunday*), yang diperingati pada hari minggu kedua bulan Julai.

Bahkan hari itu dirayakan di beberapa negara yang mempunyai Kerasulan Lautan dan Maritim, di mana ada paderi yang ditugaskan menangani pelayanan pastoral bagi mereka yang bekerja di laut.

Kembali kepada pertanyaan, tentu sangat menyedihkan tidak dapat mengikuti Perayaan Ekaristi dan menerima Komuni. Situasi seperti itu memang tidak ideal namun kita tidak dapat menghindarinya kerana tuntutan situasi dan pekerjaan.

Akan tetapi kini tersedia pelayanan rohani Misa Kudus atas talian di mana kita dapat menerima Komuni Batin. Memang, Misa *online* bukanlah Ekaristi dan Komuni Batin bukanlah Komuni yang sesungguhnya. Akan tetapi dalam situasi tertentu misalnya berkaitan peperangan dan pekerjaan, adalah disarankan melakukan komuni batin.

Namun hal ini perlu disertai dengan menjaga kehidupan rohani, tekun berdoa dan membaca Kitab Suci agar kehidupan rohani tetap terpelihara. — *Fr T. Krispurwana Cahyadi, SJ, hidupkatolik.com*

Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,

Ada adik-adik yang 'takut' dengan anggota polis kerana polis berkuasa untuk menangkap orang.

Bercakap tentang 'kuasa', Injil pada hari ini menceritakan tentang

Yesus menyampaikan ajaran-ajaran Tuhan dengan penuh kuasa di sebuah rumah ibadat sehingga ramai orang yang berasa kagum.

Malah, tiba-tiba seorang yang hadir di situ, dirasuk kuasa jahat lalu mencabar Yesus. Yesus memben-

tak orang yang dirasuk itu sehingga kuasa jahat keluar dari tubuhnya!

Adik-adik, Injil pada hari Minggu ini menyedarkan kita bahawa kuasa Yesus adalah unggul! Namun kuasa itu tidak membuatkan-Nya sombong dan menghukum orang sesuka hati.

Sebaliknya, Dia sangat mengasihinya kita lebih-lebih lagi mereka yang sakit, miskin dan terabai. Malah, Dia juga sanggup mati di kayu Salib demi menyelamatkan kita semua!

Salam Sayang
Antie Melly

Yesus mengajar sebagai orang yang berkuasa.

Bongkar kod rahsia ini untuk membaca petikan tentang Yesus



1-D	8-T	15-J
2-I	9-N	16-P
3-A	10-G	17-Y
4-B	11-U	18-M
5-E	12-S	
6-R	13-O	
7-K	14-H	

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30 31 32 33 34 35 36 37 38 39 40 41 42 43 44 45 46 47 48 49 50 51 52 53 54 55 56 57 58 59 60 61 62 63 64 65 66 67 68 69 70 71 72 73 74 75 76 77 78 79 80 81 82 83 84 85 86 87 88 89 90 91 92 93 94 95 96 97 98 99 100


HARI MINGGU KATEKETIKAL JANUARI 28, 2024

Mari Mewarna



Kita adalah pengurus ciptaan Tuhan.

IKRAR SEBAGAI PENGURUS CIPTAAN TUHAN



No 5: Cadangkan cara menjaga bumi ...

- LIMA ikrar sebagai penjaga bumi**
1. Amal kitar semula
 2. Jimat elektrik.
 3. Tidak membazir makanan
 4. Kurangkan penggunaan plastik
 5. _____

Cari barangan tersembunyi



- Strawberi
- tembakai
- tongkat
- boomerang
- pasu
- berus lukisan
- roti

BELIA MILENIUM

Pelayan altar kenali tugas dan tanggungjawab

SERIAN: Para pelayan altar Gereja Katolik St Theresa Serian telah mengadakan satu lagi Bengkel Pelayan Altar di Kampung Bintawa Lama, baru-baru ini.

Seramai 60 orang peserta mengikuti program tersebut.

Program yang mendapat sambutan menggalakkan itu dimulakan dengan sesi *ice-breaking* yang dikendalikan oleh belia dari Gereja Katolik St John Bosco, Bintawa Lama.

Kemudian, program diteruskan dengan katekesis pertama diikuti Misa Kudus yang diselebrankan oleh Fr Robert Jissem.

Penceramah pertama, Alvenloon merangka tentang kelayakan untuk menjadi pelayan altar serta barangan kudus yang digunakan semasa Misa.

Penceramah kedua, Kelvince Del David menjelaskan tentang perjalanan Misa Kudus dan apa yang berlaku semasa Misa Kudus.



Para pelayan altar diajak untuk mengembangkan iman dan nilai-nilai Kristian dalam kehidupan sehari-hari. Gambar: *Today's Catholic*.

Vincent Christopher, penceramah ketiga berkongsi tentang tatacara pelayan altar semasa Misa Kudus.

Antara yang dipelajari oleh para pelayan altar tersebut ialah tatacara Misa Kudus, contohnya apa yang harus umat lakukan ketika doa Bapa Kami, membuat tanda Salib selepas menerima komuni dan sebagainya.

Para pelayan altar diperingatkan baha-

wa peranan mereka tidak terbatas pada tugas-tugas praktik di Gereja.

Melalui pelantikan dan pengalaman melayani, para pelayan altar juga diajak untuk mengembangkan iman dan nilai-nilai Kristian dalam kehidupan sehari-hari.

Para pelayan altar diseru untuk menjadi teladan dalam sikap rendah hati, kerendahan hati, dan pelayanan kepada sesama.

Biasanya, selepas dilantik dan diutus,

para pelayan altar rasmi memulakan tugas dan tanggungjawab mereka di Gereja.

Tugas utama pelayan altar adalah membantu paderi dalam pelaksanaan Misa.

Mereka membawa salib, membantu dalam perarakan masuk dan keluar Gereja, membakar dan memadamkan lilin, membawakan buku doa, membantu dalam penyampaian persembahan umat.

Selain itu, pelayan altar juga bertanggung jawab dalam mempersiapkan benda-benda yang akan digunakan dalam Misa, seperti pakaian liturgi, alat persembahan, dan lain-lain.

Pelayan altar juga membantu dalam kegiatan-kegiatan Gereja lainnya, seperti perarakan keagamaan di luar Gereja, dan kegiatan sosial lainnya. Bengkel Pelayan Altar ini juga telah diadakan di Kampung Triboh pada Januari 27. — *sumber Today's Catholic*

BELIA ZIARAH KE GUNUNG 8,000 KAKI DEMI KEBEBASAN BERAGAMA

KOTA MEXICO: Dengan tema "Kami menuntut kebebasan beragama," ribuan anak muda Katolik melakukan ziarah pada Januari 17 lalu ke monumen Kristus Raja yang terletak di Bukit Cubilete setinggi 8,900 kaki di Guanajuato, Mexico.

Menurut Andrea Perea, presiden gerakan penganjur Saksi dan Harapan, Perarakan Belia Nasional ke-42 dipersembahkan sebagai manifestasi bakti dan komitmen masyarakat.

"Tahun ini, selain ziarah di mana ia adalah salah satu bentuk persembahan hasil kerja kami kepada Tuhan, kami juga mahu mengadakan perara-

kan atau ziarah sebagai tanda kehadiran belia Katolik yang juga mahu menyumbang sesuatu," kata Andrea kepada akhbar *ACI Prensa*, sebuah akhbar Katolik berbahasa Sepanyol.

Pemimpin gerakan Katolik itu menekankan bahawa pelbagai aktiviti rohani yang dirancang adalah dimaksudkan sebagai "panggilan kepada umat Katolik atas tanggungjawab mereka dalam menghadapi kenyataan serta realiti di negara ini."

"Tuntutan untuk kebebasan beragama adalah kerana rasa cinta yang kita miliki terhadap bangsa kita; kami berusaha untuk menumbuhkan kepercayaan pada generasi muda Mexico, mengingatkan mereka bahawa umat Katolik juga harus bertanggung jawab terhadap lingkungan mereka," tambahnya.

Andrea juga menjelaskan bahawa ziarah itu bertujuan untuk menyatukan remaja dan generasi muda "untuk bekerja sama membangun Kerajaan Tuhan," dan menjadi pengingat tahunan bahawa "Mexico sebagai tempat yang ideal bagi kaum muda Katolik."

Ziarah pada Januari 17 itu menuju ke monumen Kristus



Ribuan belia Katolik berziarah ke Bukit Cubilete setinggi 8,900 bagi menghormati para martir Perang Cristero yang melawan penindasan terhadap penganut Katolik.

Raja, patung setinggi 75 kaki di Bukit Cubilete, yang didirikan pada tahun 1950 sebagai penghormatan kepada para martir Perang Cristero.

Pada tahun 1926, Perang Cristero tercetus hingga tahun 1929, akibat penganiayaan agama yang dialami umat Katolik di negara tersebut di bawah pemerintahan Presiden Plutarco Elías Calles.

Rejim Plutarco tidak hanya membunuh mereka yang mengangkat sen-

jata untuk membela iman mereka tetapi juga para pemimpin yang secara damai menyatakan penolakan mereka terhadap undang-undang anti-klerikal yang disahkan oleh Plutarco di depan umum.

Meskipun ada penindasan dari pemerintah, perang dan perjuangan Cristero terkenal hingga kini kerana seruannya "Hidup Kristus Raja!" dan "Hidup Perawan Guadalupe!" — CNA



Sebahagian peserta yang menyertai Ziarah Belia Nasional ke bukit Cubilete.

Kritikan *Fiducia Supplicans*, harus dibicarakan dengan bijaksana

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus menjawab secara terbuka pertanyaan tentang deklarasi *Fiducia Supplicans* dalam sebuah wawancara televisyen pada Januari 14 lalu.

Dalam penampilannya di sebuah acara bual biacara Itali itu, Bapa Suci ditanya apakah dia “merasa sendirian” setelah penerbitan *Fiducia Supplicans* kerana mendapat penolakan.

Bapa Suci melihat banyak kritikan dan ulasan terhadap dokumen *Fiducia Supplicans* akibat kurang faham.

Bapa Suci menekankan, “Tuhan

memberkati semua orang. Dia tidak mengutuk sesiapa pun. Dalam karya pastoral Gereja, ini adalah tugas yang sangat penting bagi para bapa pengakuan.”

Deklarasi yang diterbitkan oleh Dikasteri Vatikan untuk Ajaran Iman pada Disember 18, mengizinkan para paderi untuk memberikan pemberkatan non-liturgi bagi pasangan yang berada dalam situasi yang “tidak biasa”.

Namun, Dikasteri Vatikan untuk Ajaran Iman menegaskan bahawa pemberkatan ini bukan bermaksud sebagai persetujuan terhadap hubungan luar tabii dan juga, ia

bukan ritus perkahwinan.

Fiducia Supplicans kemudian mendapat reaksi yang meluas dari konferensi para uskup di Afrika dan Eropah Timur.

Kritikan muncul dari beberapa uskup senior yang kemudian dijawab oleh Vatikan melalui kenyataan akhbar pada Januari 4.

Dalam kenyataan itu, Vatikan menulis bahawa pelaksanaan berkat untuk pasangan luar tabii bergantung “pada konteks lokal dan kebijaksanaan uskup diosesan dan keuskupannya. Ini bererti, setiap uskup memiliki wewenang untuk mentafsirkan pesan “belas kasih”

Gereja dalam *Fiducia Supplicans* dalam konteks keuskupan masing-masing.

Berbicara dalam program Itali “*Che Tempo Che Fa*”, Bapa Suci mengatakan bahawa “ketika seseorang tidak setuju dengan suatu keputusan, mereka harus mengungkapkan keprihatinan mereka dalam ‘semangat perbincangan persaudaraan’.”

“Kerap terjadi, jika kita tidak menyukai sesuatu, kita menyimpannya dalam hati lalu menjadi penentang dan mengambil kesimpulan yang buruk,” kata Sri Paus Fransiskus.

Bapa Suci secara peribadi kesal atas sikap-sikap “menentang” dalam memberkati semua orang dalam *Fiducia Supplicans*

Vatican News berulang kali menegaskan bahawa doktrin Gereja tentang sakramen pernikahan antara lelaki dan wanita tidak berubah dan menegaskan yang diberkati dalam *Fiducia Supplicans* adalah “peribadi manusia” bukan “dosa”.

Pemberkatan ini juga tidak bererti persetujuan atas “relasi luar tabii” yang terjadi di kalangan umat homoseksual dan lesbian. — *media Vatikan*

Perang — kejahatan terhadap kemanusiaan

KOTA VATIKAN: Dengan banyaknya warga sivil yang maut dan hancurnya kota-kota serta infrastrukturnya, “perang moden itu sendiri merupakan kejahatan terhadap kemanusiaan,” kata Sri Paus Fransiskus.

Setelah mendaraskan doa Angelus bersama dengan sekitar 10,000 pengunjung di Dataran Sto Petrus pada Januari 14, Sri Paus mendedak masyarakat untuk mengenang “mereka yang menderita kekejaman perang di banyak belahan dunia, terutama di Ukraine, Palestine dan Israel.”

“Pada awal tahun ini,” katanya, “kita saling bertukar harapan akan perdamaian, namun senjata terus membunuh dan menghancurkan.”

Bapa Suci Fransiskus berdoa

agar para pemimpin dari pihak-pihak yang bertikai merenungkan fakta bahawa perang bukanlah cara untuk menyelesaikan masalah “kerana perang menyebabkan kematian di kalangan warga sivil, menghancurkan kota-kota serta infrastruktur.”

“Dengan kata lain,” katanya, “saat ini perang itu sendiri merupakan kejahatan terhadap kemanusiaan.”

Bapa Suci mengulangi perkataannya, “Janganlah kita melupakan hal ini: perang itu sendiri merupakan kejahatan terhadap kemanusiaan. Manusia memerlukan perdamaian! Dunia memerlukan perdamaian!”

Dalam doa Angelus itu, Sri Paus Fransiskus menyampaikan refleksi

hari Minggu dari Injil Sto Yohanes tentang Yesus memanggil murid-murid-Nya pertama.

Yesus bertanya kepada mereka, “Apa yang kamu cari?” Pertanyaan tersebut, kata Sri Paus Fransiskus, mengundang mereka untuk membahagikan hasrat terdalam di hati mereka.

“Dia tidak ingin mendapatkan ‘pengikut’ yang berfikiran sempit. Tuhan menginginkan orang-orang yang mempertanyakan diri mereka sendiri dan membiarkan diri mereka diselubungi oleh firman-Nya.”

Bapa Suci Fransiskus, menjelaskan bahawa menjadi murid Yesus bererti “mencari Yesus, tinggal bersama Yesus danewartakan Yesus.”

Perjumpaan pertama para murid



Peperangan tidak menyelesaikan masalah sebaliknya menyebabkan kematian dan kehancuran kota-kota.

dengan Yesus adalah “pengalaman yang sangat kuat sehingga murid-murid itu selalu ingat saat itu,” katanya seraya mencatat bahawa Injil Yohanes mengatakan, “saat itu sekitar pukul empat petang.”

Catatan waktu dalam Injil itu adalah ajakan kepada umat Kristian agar menghargai dan menikmati pengalaman mereka bertemu Tuhan, kata Bapa Suci.

Sri Paus Fransiskus mendorong umat untuk merenungkan pengalaman mereka sendiri, dengan bertanya pada diri sendiri: “Bila aku mengalami perjumpaan dengan Tuhan? Bila Tuhan telah menyentuh hatiku?” Dan pertanyaan ini harus ada pada kita: Bagaimana saya dapat mewartakan keindahan perjumpaan dengan Tuhan?” — *media Vatikan*

Gereja Vietnam mulai proses beatifikasi untuk uskup perintis

HO CHI MINH: Keuskupan Phan Thiet telah memulakan proses beatifikasi uskup pertama Gereja Vietnam atas sumbangannya dalam membangun landasan yang kuat bagi karya-karya misionari di negara tersebut.

Pembukaan rasmi penyelidikan keuskupan, langkah utama kanonisasi Uskup yang berasal dari Perancis, Msgr Piere Lambert de la Motte (1624-1679) diadakan di Pusat Santa Perawan Maria Ta Pao di wilayah Binh Thuan pada Januari 13.

Uskup Joseph Do Manh Hung memimpin acara tersebut, yang dihadiri sekitar 20,000 umat Katolik, yang juga menyambut ulang tahun emas penubuhan Keuskupan Phan Thiet.

Mendiang Uskup Lambert “memiliki kebajikan yang luar biasa dan memberikan sumbangan besar kepada Gereja awal di Vietnam,” kata Uskup Agung Joseph Nguyen Chi Linh dalam homilinya.

Arwah Uskup Lambert, prelat pertama di Cochinchine yang mencakupi Vietnam Selatan, Kemboja, Thailand dan seba-



Hampir 20 ribu umat menghadiri pembukaan penyelidikan terhadap mendiang Uskup Perancis, Piere Lambert de la Motte di Pusat Santa Perawan Maria Ta Pao pada Januari 13. Gambar: Ucanews.com.

gian China serta banyak mempromosi panggilan di kalangan pemuda tempatan serta menubuhkan Kongregasi Pencinta Salib Suci serta organisasi awam bagi kaum wanita lokal.

“Gereja Katolik di Vietnam tidak dapat mencapai apa yang mereka miliki saat ini tanpa karya Uskup Lambert,” kata Uskup Agung Joseph.

Bapa Uskup Lambert juga dianggap sebagai salah seorang dari empat pendiri MEP, kongregasi misionari utama yang melayani wilayah tersebut sejak tahun 1660.

Meskipun terjadi pengani-

ayaan agama di Vietnam, Uskup Lambert hanya melakukan tiga kunjungan pastoral dari tahun 1669 hingga 1676 ke Dang Trong dan Dang Ngoai (Vietnam Utara).

Mendiang Uskup itu telah memberikan Sakramen Krisma kepada 10,000 warga setempat dan membaptis ramai orang. “Beliau mempunyai visi yang kreatif dalam melayani Gereja lokal, mentahbis paderi bagi umat Katolik Vietnam dan mendirikan Kongregasi Pencinta Salib Suci, yang menunjukkan semangatnya dalam menyebarkan Khabar Baik,” kata Fr Thao. — *ucanews.com*

Misa di tempat Ibadat Kristian pertama Qatar

DOHA: Vikaris Apostolik Arab Utara, Uskup Aldo Berardi, merayakan Misa di Gereja Bonda Rosari di Doha, tempat ibadat rasmi Kristian pertama di Qatar.

Gereja Katolik di Qatar merayakan Misa yang dimaksudkan sebagai simbol harapan dan persatuan bagi komuniti Katolik yang terdiri daripada individu pelbagai etnik, bangsa dan bahasa.

Berbicara kepada akbar Vatikan *Fides*, Uskup Berardi mengatakan lebih 30,000 orang menghadiri Misa pada Hari Tahun Baru.

Gereja Bonda Rosari, Gereja Katolik pertama yang disahkan di Qatar, didirikan pada tahun 2006

dan menjadi tempat ibadat Kristian pertama di negara tersebut sejak abad ke-7.

Beberapa duta besar untuk Qatar, khususnya dari Perancis, meminta agar pemerintah mengizinkan tempat ibadat bukan Islam didirikan.

Emir Qatar ketika itu, Hamad bin Khalifa Al Thani, menyumbangkan tanah untuk pembangunan pusat ibadat itu.

Uskup Aldo Berardi menggambarkan Gereja itu sangat besar dan terletak di dekat lapangan terbang baharu, dan terletak dalam “Kompleks Keagamaan” yang mempunyai Gereja Protestan, Koptik dan Ortodoks. — *media Vatikan*



AUDIENSI UMUM SRI PAUS FRANSISKUS BERSAMA KAUM AWAM

Jangan cemari kemurnian cinta dengan maksiat

KOTA VATICAN: “Waspadalah terhadap nafsu yang membelenggu berusahalah untuk hidup dalam kesucian cinta,” Sri Paus Fransiskus menyampaikan memberikan teguran ini semasa Audiensi Umum hari Rabu di Dewan Paulus IV di Vatikan.

Cinta yang murni, tidak dicemari oleh maksiat

Bapa Suci mengingatkan bahawa doktrin Kristian tidak mengutuk naluri seksual serta mengatakan bahawa jatuh cinta adalah salah satu pengalaman yang paling indah dan lembut.

“Jatuh cinta adalah antara perasaan yang paling murni jangan cemarinya dengan maksiat,” tegas Bapa Suci.

Meneruskan siri katekesisnya tentang kebajikan dan maksiat, Sri Paus memfokuskan audiensinya pada dosa nafsu.

Bapa Suci berkata bahawa “jika anda bertanya kepada seseorang yang jatuh cinta, mengapa mereka jatuh cinta? Mereka sukar memberikan jawaban terbaik kerana ramai di antara mereka jatuh cinta tanpa syarat, di luar akal.”

Dalam cinta harus ada kesabaran. Cinta mempunyai kuasa yang kuat, mungkin juga sedikit naif pada mulanya.

“Kekasih yang tidak benar-benar mengenali orang yang mereka kasihi, cenderung untuk mengidamkan kekasih idola mereka; mereka bersedia untuk membuat janji yang sebenarnya tidak mampu untuk mereka laksanakan.”

Ini menjadikan “taman percintaan tidak selamat daripada kejahatan. Ia boleh dicemari oleh syaitan nafsu, dan maksiat men-



Jatuh cinta adalah antara perasaan yang paling murni ...

jijikkan, disebabkan dua sebab atau lebih.”

Dua sebab nafsu itu bahaya

Pertama, nafsu memusnahkan hubungan antara manusia dan ia boleh merampas kebebasan individu.

Nafsu, tidak menghormati dan merampas semua keindahan cinta yang murni dan kepolosannya.

“Nafsu melibatkan semua pancaindera; ia bersemayam di dalam tubuh dan jiwa; jika tidak berdisiplin, tidak ada kesabaran, ia boleh berubah menjadi rantai yang merampas kebebasan manusia.”

“Kedua,” tegas Bapa Suci, “Nafsu bertentangan dengan keindahan cinta yang telah ditanamkan Tuhan dalam hati kita dan bertentangan dengan panggilan Tu-

han untuk memupuk perhubungan dengan orang lain dalam kesucian terutamanya melalui penggunaan seksualiti kita dengan bertanggungjawab.”

Memenangi pertempuran melawan hawa nafsu, adalah usaha sepanjang hayat. Dan hadiahnya ialah mengekalkan “keindahan yang Tuhan tulis ke dalam ciptaannya apabila Dia membayangkan cinta antara lelaki dan wanita.”

“Kecantikan itu yang membuat kita percaya bahawa membina sebuah cerita bersama adalah lebih baik daripada mengembara seorang diri, pengembaraan, memupuk kelembutan adalah lebih baik daripada tunduk kepada kuasa kejahatan dan melayani lebih baik daripada menakluki,” kata Sri Paus. — *media Vatikan*

Tuhan sumber sukacita!



Jangan malu untuk memberitahu orang lain apabila anda berasa gelisah. Minta mereka berdoa bersama anda dan untuk anda! — sumber Aletia

Kitab Suci mengingatkan kita bahawa kita telah diselamatkan oleh Tuhan. Dalam banyak teks alkitabiah, kita boleh meletakkan kepercayaan dan keyakinan kita kepada-Nya.

Walau bagaimanapun, terdapat saat-saat dalam hidup kita yang membuatkan kita berasa gelisah atau tidak senang.

Kita perlu ingat bahawa Tuhan sendiri hadir dan menjemput kita untuk percaya kepada-Nya, kerana belas kasih-Nya adalah kekal dan selama-lamanya — dan Dia bersedia untuk membuktikannya.

Jika anda sedang melalui fasa kesengsaraan atau keraguan, kami menjemput anda untuk merenungkan petikan-petikan Kitab Suci ini yang boleh membantu anda agar tidak kehilangan harapan dan berandal sepenuhnya kepada Tuhan serta rahmat-Nya:

“Mereka akan memerangi engkau, tetapi tidak dapat mengalahkan engkau, sebab Aku menyertai engkau untuk melepaskan engkau,” (Yer 1:19)

“Sungguh, Tuhan itu keselamatanku; aku percaya dengan tidak gementar, sebab Tuhan itu kekuatanku dan mazmurku, Dia telah menjadi keselamatanku.” (Yes 12: 2)

“Dengan tenteram aku mahu membaringkan diri, lalu segera tidur, sebab hanya Engkaulah, ya Tuhan, yang membiarkan aku diam dengan aman.” (Mazmur 4:8)

“Demikianlah Tuhan adalah tempat perlindungan bagi orang yang tetindas, tempat perlindungan pada waktu kesusahan. Orang-orang yang mengenal nama-Mu menaruh percaya kepada-Mu, kerana Engkau tidak pernah meninggalkan orang yang mencari Engkau, ya Tuhan.” (Mazmur 9:9-10)

“Aku selalu menempatkan Tuhan di hadapanku. Kerana Dia ada di sebelah kananku, aku takkan goyah.” (Mazmur 16:8)

“Yesus Kristus tetap sama, baik kelmarin mahupun hari ini dan sampai selamanya. (Ibrani 13:8)

“Dan inilah keberanian percaya kita kepada-Nya, iaitu bahawa Dia mengabdikan doa kita, jikalau kita meminta sesuatu kepada-Nya menurut kehendak-Nya.

Dan jikalau kita tahu, bahawa Dia mengabdikan apa sahaja yang kita minta, maka kita juga tahu, bahawa kita telah memperoleh segala sesuatu yang telah kita minta kepada-Nya.” (1 Yohanes 5:14-15)

“Sebab itu janganlah kamu khuatir akan hari esok, kerana hari esok mempunyai kesusahannya sendiri. Kesusahan sehari cukuplah untuk sehari.” (Matius 6:34) — sumber Aletia

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Lebih 100 hari perang di Gaza

Sejak tarikh Oktober 7, kita berdiri di sisi ramai Swarga Palestine yang maut di bawah reruntuhan Gaza — 10,000 di antaranya adalah kanak-kanak.

Kita berdiri bersama dengan orang-orang tidak berdosa yang terbunuh di kibbutzim pada Oktober 7 dan para tahanan Israel.

Kita berdiri, dengan keyakinan penuh, berpihak kepada para mangsa dan mereka yang menderita.

Mengingat masa-masa yang telah berlalu, sejak sebuah tragedi, ia sangatlah menyedihkan. Mengingati tragedi ini yang mengerikan tetapi masih berlanjutan.

Sejak Oktober 7, 2023, 136 lelaki, wanita, dan kanak-kanak masih menjadi mangsa culik di tangan Hamas di terowongan di bawah Gaza. Tidak ada yang tahu tentang mereka atau keadaan mereka.

Pada Januari 13, Media Vatikan menerbitkan artikel oleh Rachel Goldberg Polin, yang penuh dengan rasa sakit tetapi juga cinta.

Beliau menulis tentang puteranya Hersh, 23 tahun, tidak hilang tanpa dapat dikesan sejak pagi kejadian tragis itu, kecuali mungkin anak itu telah kehilangan lengannya.

Media Vatikan berasa amat dekat dengan Rachel, bukan hanya mengerti akan penderitaannya namun terutama kerana apa yang beliau katakan dan tulis.

Rachel menyedari di sebalik barikad, ramai ibu-ibu sepertinya yang menderita. Dan ramai yang meratap menangi anak-anak mereka yang hilang.

Suaranya yang berani menyuarakan kemarahannya, meskipun berisiko tetapi difahami kerana hanya dengan mengakui kepedihan orang lain dan penderitaan diri sendiri, maka perdamaian dan pengampunan dapat bertumbuh.

Kata-kata Rachel juga milik kita. Seperti juga Sri Paus Fransiskus, yang mengajak kita untuk melakukan *equivocanza*, atau “kedekatan yang setara”.

Kedekatan dengan mereka yang menderita, dengan mereka yang meninggal, dengan mereka yang tidak punya apa-apa.

Kedekatan dengan penderitaan kedua belah pihak sering diartikan sebagai jarak yang sama (*equidistance*). Kita tidak berkecuali dalam peranan ini.

Kita berdiri, dengan keyakinan penuh, di satu pihak — para korban dan mereka yang menderita.

Kita berdiri di samping 22,000 orang yang maut di bawah reruntuhan Gaza, 10,000 kanak-kanak yang terbunuh.

Kita berdiri di pihak orang-orang tak berdosa yang dibunuh secara brutal di kibbutzim pada Oktober 7.

Kerana pengorbanan setiap nyawa adalah luka yang tak dapat disembuhkan. Rachel memahami hal ini. Dan begitu juga kita.

Pada permulaan tahun 2024, Sri Paus Fransiskus melaungkan, “Perang adalah jenayah terhadap kemanusiaan. Rakyat perlukan kedamaian. Dunia memerlukan keamanan!” — *Andrea Tornielli (Media Vatikan)*

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Uskup Agung Kuching berkati patung Kristus Raja di Gunung Singai



BAU: Uskup Agung Katolik Metropolitan Kuching, Simon Poh telah memberkati patung Kristus Raja di Pusat Ziarah Memorial Katolik (CMPC) Singai pada hari pertama tahun baharu 2024.

Prelatus itu memberkati patung tersebut semasa memimpin Misa Kesyukuran Tahun Baharu yang diadakan di perkarangan pintu masuk CMPC yang turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pengangkutan (Sungai dan Laut) Dato Henry Harry Jinep dan Presiden Persatuan Penyelidikan serta Pembangunan Singai Sarawak, Datuk Peter Nansian.

Uskup Agung Poh semasa menyampaikan ucapannya berkata patung itu adalah arca moden yang boleh dilihat oleh semua orang khususnya mereka yang berziarah atau

datang ke Gunung Singai.

“Bila-bila anda datang ke Gunung Singai, temuilah patung Kristus Raja sambil berjalan di perhentian-perhentian Jalan Salib dan berdoa di chapel Kristus Raja,” katanya.

Sementara itu, pengerusi CMPC Vincent Eddy Sireng menyebut istilah ‘Inkulturasi’ yang merupakan penjelmaan atau inkarnasi Injil yang mempengaruhi budaya asli agar penyebaran iman lebih mengena dengan cita rasa budaya setempat.

“Khabar Sukacita Yesus di Singai bermula pada 1885 dengan kedatangan para misionari pertama.”

“Khabar Gembira ini telah berkembang dan tersebar ke seluruh bahagian Bau dan negeri Sarawak pada umumnya.”

“Itulah sebabnya kita boleh mengatakan Yesus telah meresapi kehidupan di Singai di kalangan orang-orang tempatan.”

“Wajah patung itu adalah simbolik dan bukan gambar statik. Wajah patung itu boleh menjadi orang Asia, Bidayah atau ‘orang putih.’”

“Maksudnya tetap sama iaitu Kristus adalah Raja Sang Semesta Alam dan Sang Penyelamat bagi kita semua.”

“Orang Kristian di tanah besar China, Afrika dan Amerika Latin serta banyak negara lain telah lama memasukkan unsur budaya, bahasa dan seni mereka dalam agama Kristian. Kita harus melakukan perkara yang sama secara sedar di sini di Singai,” tambahnya. — *Utusan Borneo/Today's Catholic*

Tiga Sister FSIC lafaz kaul kekal



TENOM: Tiga orang Sister dari kongregasi tempatan Sabah, *Franciscan Sisters of the Immaculate Conception* (FSIC), telah melafazkan kaul kekal mereka pada Januari 13, di Gereja St Anthony Tenom.

Sr Mary Beverly Colin dari paroki St Joseph, *Husband of Mary* Kiulu, Sr Mary Caroline Pius dari paroki *Holy Cross* Tambunan dan Sr Mary Liza Pileh dari St Anthony Tenom melafazkan kesetiaan dan kaul kekal mereka untuk kongregasi FSIC.

Uskup Cornelius Piong dalam doa pembukaannya memanjatkan doa agar ketiga-tiga calon kaul kekal itu dapat bertekun dan lebih bijaksana untuk melayani Kristus serta kongregasi mereka seraya memperteguhkan kekudusan Gereja dan mengembangkan semangat kerasulan meneladani Santo Penaung mereka, Sto Fransiskus dari Assisi.

Pelafazan kaul menandakan

permulaan komitmen penuh mereka untuk mengikut Kristus dengan mengikut jejak Sto Fransiskus dari Assisi melalui kehidupan Kemiskinan, Ketaatan dan Kesucian sebagai religius FSIC.

Ritus Pelafazan Kaul Kekal bermula apabila *Mother General* FSIC memanggil para calon kaul kekal di hadapan umum dan para calon menjawab, “Inilah aku Tuhan, aku datang untuk melakukan kehendak-Mu...”

Ini diikuti dengan homili Bapa Uskup yang mengingatkan tiga calon kaul kekal itu bahawa mereka dipanggil untuk menjadi religius yang sejati, membimbing sesama untuk mengenal Kristus serta menggunakan bakat yang diberikan Tuhan kepada mereka untuk meneruskan misi Yesus di dunia.

Selepas homili Bapa Uskup, calon kaul kekal dipanggil di hadapan Uskup Cornelius, mereka

Dari kiri: Sr M Beverly, Sr M Caroline dan Sr M Liza Pileh dari kongregasi FSIC melafazkan kaul kekal mereka.

menyatakan kesediaan mereka untuk membaktikan hidup mereka seumur hidup dengan setia kepada konstitusi kongregasi FSIC, hidup menurut Injil dan menjadi alat cinta kasih Tuhan kepada sesama.

Seusai doa litani, seorang demi seorang daripada tiga orang religius itu menyalakan lilin, berlutut dan melafazka kaul kekal masing-masing di hadapan *Mother General*, dengan dua orang saksi iaitu Sr Dariah Ajap dan Sr Grace Diosing.

Dalam ucapannya, Uskup Cornelius meminta umat agar mendoakan Sr Beverly, Sr Caroline dan Sr Liza agar pandangan mereka terus setia kepada Salib dan memohon Roh Kudus agar ketiga-tiga Sister itu tabah menjalani praktik harian kongregasi mereka.

Perayaan agama sebagai wadah memupuk keharmonian

GEORGE TOWN: Malam Januari 6 lalu, merupakan malam yang tidak dapat dilupakan bagi komuniti Gereja St John Britto apabila lebih 500 umat hadir sempena Rumah Terbuka Krismas yang dianjurkan bersama Gereja dan Ahli Parlimen Jelutong.

Antara orang kenamaan negeri yang hadir termasuk bekas Ketua Menteri Pulau Pinang dan Ahli Parlimen Bagan, YB Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Jelutong,

YB RSN Rayer, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, dan Presiden Persekutuan Kristian Malaysia (CFM).

Dalam majlis itu, YB Rayer mengumumkan sumbangan RM 50,000 kepada Gereja St John Britto sebagai bantuan kerja-kerja naik taraf gereja itu.

Majlis juga menyaksikan penyerahan bantuan keluarga kepada 14 keluarga yang memerlukan dari kawasan Sungai Pinang.

Lima panel kaca misterium Sukacita di SMK Convent, Ipoh

IPOH: Misa khas kesyukuran diadakan di chapel SMK Convent Ipoh bulan lepas bagi meraikan pemasangan lima panel tingkap kaca berwarna yang menceritakan Misterium Sukacita.

Fr Anthony Liew dari Gereja St Michael telah memimpin Misa Kudus dan mengetuai ritus pemberkatan.

Pemasangan lima panel tingkap kaca berwarna itu dilakukan sebelum acara tahunan *Carolling by Candlelight* anjuran *Convent Girls Alumni* (COGA) pada bulan lalu.

Upacara pemberkatan pada Januari 6 tersebut dimulakan dengan Misa yang diadakan di chapel pada jam 8.00 pagi, diikuti upacara memotong kek dan sarapan pagi di kantin sekolah.

Pemasangan lima panel tingkap kaca berwarna itu merupakan usaha pengumpulan dana yang



diketuai oleh COGA.

Kos awal dianggarkan RM140K tetapi kos bahan yang tidak dijangka menjadikan jumlah keseluruhan RM156K.

COGA telah berjaya mengumpulkan RM130K setakat ini dan optimis bahawa Tuhan akan menggerakkan hati penyumbang yang bermurah hati untuk membantu mengisi baki RM26K.